

MPP Subzon 8 dan pelajar UMSKAL bantu baik pulih rumah warga emas

NST 9.11.2017 7

LABUAN: Majlis Perwakilan Penduduk (MPP) Subzon 8 bersama pelajar Universiti Malaysia Sabah kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL) bergotong-royong membaik pulih atap rumah seorang warga emas yang juga Orang Kurang Upaya (OKU) di Kampung Pohon Batu, pada Ahad.

Mangsa Martinah Suginato, 62, yang juga seorang ibu tunggal mengalami kerosakan atap rumah akibat bencana angin ribut yang berlaku baru-baru ini.

Program yang turut mendapat sokongan daripada golongan belia dan beliawanis Kampung Pohon Batu itu dianjurkan oleh Ahli Jawatankuasa Masjid Al-Munawar Pohon Batu yang dipimpin oleh Haryadi Omar.

Menurut Haryadi, semua peralatan baikpulih atap dibekalkan oleh MPP

Subzon 8 melalui peruntukan Ahli Parlimen Labuan yang disalurkan ke pertubuhan tersebut.

Sementara itu, Pengerusi MPP Subzon 8, Haji Alias Hussin yang mengetuai gotong-royong tersebut melahirkan rasa puas hati dengan sikap kepimpinan dan penduduk setempat yang turut membantu masalah yang dihadapi oleh ibu tunggal itu.

"Bantuan ini secara tidak langsung membantu saranan Ahli Parlimen, Datuk Rozman yang manyasarkan setiap pemimpin di peringkat akar umbi membantu beliau untuk turun padang mendekati rakyat terutamanya mereka yang memerlukan bantuan," katanya kepada New Sabah Times di sini, kelmarin.

Haji Alias berkata, sebelum ini MPP Subzon 8 juga turut menghulurkan

bantuan kepada mangsa tanah runtuh dan pokok tumbang kepada beberapa penduduk kampung Lubuk Temiang semasa berlakunya kejadian angin kencang dan hujan lebat baru-baru ini.

Haji Alias menjelaskan MPP Subzon 8, merangkumi empat buah kampung iaitu Pohon Batu, Manikar, Ganggarak dan Lubok Temiang.

Beliau juga turut mengucapkan terima kasih kepada Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) Labuan, Jabatan Perparitan dan Saliran (JPS), Pusat Khidmat Masyarakat, Jabatan Bomba dan Penyelamat (JBPM), Agensi Perkhidmatan Awam (APM) dan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) yang sentiasa bersama-sama MPP sub zon 8 dalam membantu penduduk kampung yang ditimpa musibah. - OLEH: JAINUDIN DJIMIN



BAIKI... Haji Alias bersama penduduk kampung membaiki atap rumah ibu tunggal yang rosak.